



Star



Urban · Versatil





Beg tangan *bundle* RM20 bawa musibah, hidup wanita kucar-kacir diganggu oleh penunggu! Paling kemuncak dengar tangisan dalam almari




Ramai individu membeli pakaian *bundle* kerana harganya yang murah.


 Pakaian terpakai atau *bundle* mempunyai ramai peminatnya yang tersendiri.


Bagi Wani (bukan nama sebenar), dia juga gemar menyelam *bundle* kerana harganya yang murah.

Suatu petang, Wani singgah ke sebuah kedai *bundle* dan matanya tertumpu pada sebuah beg tangan kulit berwarna hitam.

Tanpa berfikir panjang, Wani membeli beg itu kerana ia dijual pada harga RM20 sahaja.







Malam pertama selepas membawa beg itu pulang, Wani bermimpi didatangi oleh seorang wanita tua.

Wani terjaga dalam keadaan berpeluh dan dada terasa sesak seolah-olah ada yang sedang menindihnya.

Hari demi hari, gangguan makin menjadi-jadi termasuklah bau busuk seperti bangkai menyelubungi bilik tidur Wani, terutamanya pada waktu malam.


Kadangkala, terdengar bunyi sesuatu sedang mencakar dinding biliknya walaupun tiada tanda-tanda serangga atau haiwan.




Barangan ***bundle*** perlu dibersihkan sebelum diguna oleh pemilik baharu.

Farah, rakan serumahnya turut diganggu kelibat hitam dengan mata yang merah menyala pada waktu malam.

Kemuncak gangguan berlaku apabilå satu malam mereka terdengar bunyi suara orang menangis di dalam almari pakaian.





Wani terpaksa memberanikan diri untuk membuka pintu almari namun, tiada apå yang kelihatan kecuali, beg *bundle* itu yang terbuka luas dan di dalamnya penuh dengan rambut panjang yang basah!

Kedua-dua mereka menjerit sekuat hati dan terus terkocoh-kocoh keluar dari rumah.

Malam itu mereka tidur di dalam kereta kerana terlalu takut untuk masuk semula ke rumah.

Keesokan paginya, mereka nekad memanggil seorang ustaz yang dikenali melalui kenalan pejabat Farah.

Semasa ustaz membaca ayat-ayat *ruqyah*, seluruh rumah tiba-tiba menjadi panas dan langsir bergoyang kuat walaupun tiada angin. Beg hitam itu pula mula bergetar sendiri dan terjatuh dari meja. 👜

Ustaz segera menyuruh mereka keluar dari rumah sebentar. 🏠

Selepas hampir 20 minit, ustaz tersebut keluar dan meminta Wani mencari mancis untuk membakar beg itu.

Selepas beg *bundle* itu hancur dibakar, rumah mereka kembali tenang.

Sejak kejadian itu, Wani berikrar untuk tidak sewenang-wenangnya membeli barang terpakai, terutama dari sumber yang tidak jelas. – *mStar*